

Apartmen kolej jadi 'port' pelajar warga Afrika

B/H 7/12/2011

18

SEREMBAN: Lokasi pelajar warga asing yang menggan- nas selepas Jabatan Imigresen Negeri Sembilan menjalankan 'Ops Ajar' di apartmen sebuah kolej swasta di Mantin dekat sini, kelmarin, dikenal pasti sebagai 'port' utama pelajar terbabit berkumpul.

Pengarah Imigresen negeri, Faizal Fazri Othman, berkata tempat itu menjadi tumpuan pelajar warga asing, terutama dari Afrika.

Katanya, mereka bukan daripada kalangan pelajar kolej swasta terbabit, malah datang dari kawasan lain, termasuk dari Lembah Klang.

"Jabatan masih menjalankan siasatan menyeluruh mengenai perkara ini dan pada masa sama 'Ops Ajar' tetap akan diteruskan dalam tempoh terdekat.

"Kita mahu memastikan tiada pelajar warga asing melakukan kesalahan seperti pas pelajar tamat tempoh, tinggal lebih masa dan memiliki pasport palsu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan 46 pelajar asing yang sebahagian besar warga Afrika ditahan dalam 'Ops Ajar' selama tujuh jam. Dua daripada pelajar yang berusia lingkungan 20-an ditahan kerana menghalang penjawat awam menjalankan tugas.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran dan Pengajian Tinggi negeri, Datuk Shamsulkahar Mohd Deli, berkata pihaknya akan menjalankan perbincangan dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam tempoh terdekat mengenai perkara ini.

Katanya, walaupun kerajaan negeri mahu negeri menjadi hab pendidikan antarabangsa, kualiti pelajar yang mahu meneruskan pengajian di negeri ini perlu memenuhi kriteria ditetapkan.